

## **Impak Dasar Ekonomi Baru ke atas Peningkatan Ekonomi Bumiputera Selepas Tragedi 13 Mei 1969**

*The Impact of New Economic Policy on Economic Improvement Tragedy to Bumiputera after 13 of May 1969*

**Mohamad Asrol Arpidi bin Mamat, Ishak Saat & Khairi Ariffin**

*Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*email: r\_pd85@yahoo.com*

### **Abstrak**

*Artikel ini memaparkan impak ekonomi kaum Bumiputera kesan daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB dilaksanakan sepenuhnya melalui Rancangan Malaysia Kedua yang bermula pada tahun 1971 akibat tragedi 13 Mei 1969. DEB dirangka bagi mengurangkan perbezaan ekonomi antara golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera. Melalui DEB pihak kerajaan memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyertai lapangan ekonomi secara langsung bagi mewujudkan kesimbangan di antara golongan yang berada dan golongan yang tidak berada. DEB dilancarkan sebagai sebahagian daripada strategi menyeluruh Tun Abdul Razak bagi membina semangat perpaduan antara kaum di negara ini dan meningkatkan ekonomi kaum Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi agar tidak ketinggalan dengan kaum lain.*

**Kata kunci** Dasar Ekonomi Baru, Tun Abdul Razak, 13 Mei 1969, Perpaduan dan Bumiputera

### **Abstract**

*This article highlights the impact of the Bumiputera economic impact of the New Economic Policy (NEP). The NEP was implemented entirely through the Second Malaysia Plan, which began in 1971 following the tragedy of May 13, 1969. The NEP was designed to reduce the economic gap between Bumiputera and non-Bumiputera. Through the NEP, the government plays a more active role in the economic sphere directly participate in creating a balance between those who are and those who are not. NEP was launched as part of the overall strategy Tun Abdul Razak to build a sense of unity among the races in the country and improve the economy of the Bumiputera to a higher level in order not to be left behind by other races.*

**Keywords** New Economic Policy, Tun Abdul Razak, 13 May 1969, Unity and Bumiputera

## Pengenalan

Peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada bulan Mei tahun 1969 membuktikan dengan cukup jelas bahawa wujudnya perasaan syak wasangka dan perasaan permusuhan yang amat ketara dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Golongan Bumiputera melihat orang Cina sebagai kaum yang menguasai ekonomi di Malaysia tidak memainkan peranan yang sepatutnya dalam membantu kaum lain agar pembahagian kekayaan ekonomi lebih adil dan saksama (Asrizal Mohamed Radzi, 2013:72).

Walau bagaimanapun, Tun Abdul Razak menganggap suatu pemberian perlu dilakukan di dalam pelbagai sektor khususnya dari segi ekonomi supaya tidak wujud jurang perbezaan yang ketara antara kaum. Tun Abdul Razak yakin bahawa penyusunan semula ekonomi negara haruslah dilakukan dengan lengkap dan dengan mengubah cara hidup tradisional orang Melayu ke arah ekonomi moden. Ini penting supaya mereka lebih berdaya saing dan mempunyai peluang untuk mendapat kemajuan yang lebih saksama bagi semua rakyat. Tun Abdul Razak menyatakan sebagaimana berikut:

“Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat memberikan peluang kepada rakyat berbilang bangsa untuk menikmati kemakmuran negara dengan lebih adil dan saksama”.

(Ucapan Tun Abdul Razak bin Hussein, 1974:366)

Menyedari ketidakseimbangan sosio-ekonomi itu, Tun Abdul Razak mengarahkan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk membentuk suatu dasar ekonomi yang berfungsi sebagai asas Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua yang dilancarkan pada permulaan bulan Januari 1971 yang dikenali sebagai ‘Dasar Ekonomi Baru (DEB)’. Matlamat utama DEB diperkenalkan ialah bagi mewujudkan perpaduan negara dengan mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum sama ada di kawasan bandar dan luar bandar. Selain itu, matlamat DEB ialah untuk menyusun semula masyarakat supaya tidak wujud pengenalan kaum berdasarkan ekonomi. Bank Dunia melaporkan;

“Pekerja Cina mempunyai kelebihan pendapatan mengatasi Melayu dalam ekonomi bandar di Malaysia... Terdapat pemisahan yang jelas kelihatan bagi kedua-dua komuniti utama ini kepada kumpulan pekerjaan yang ditentukan secara kasar, tetapi kurang wakilan Melayu dalam pekerjaan kolar biru separa mahir dan mahir diimbangi oleh lampau wakilan mereka dalam sektor awam dalam pekerjaan kolar putih.”

(Depak Mazumdar.1981:23)

## Strategi Pelaksanaan DEB

Matlamat dan rancangan penting Dasar Ekonomi Baru ialah bagi menggalakkan perpaduan negara menerusi kaedah serampang dua mata meliputi dua langkah pembangunan seperti berikut:

Membasmi kemiskinan dengan meninggikan taraf pendapatan dan menambahkan peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk membaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang, agar dapat mengurangkan dan akhirnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

### Statistik Kadar Kemiskinan Tahun 1970

Pada tahun 1970, kadar kemiskinan dalam kalangan orang Melayu jauh lebih tinggi iaitu 64.8% berbanding dengan kaum Cina iaitu 26% dan India 39.2%. Sementara purata pendapatan keluarga Melayu pula didapati dua kali ganda jauh lebih rendah berbanding dengan kedua-dua kaum tersebut iaitu sebanyak RM172.00 sahaja. Lihat jadual berikut;

**Jadual 1** Kadar Kemiskinan Mengikut Etnik Tahun 1970

Etnik	Kadar Kemiskinan (%)	Pendapatan Purata Keluarga Sebulan (Rm)
Melayu	64.8	172.00
Cina	26.0	394.00
India	39.2	304.00
Lain-lain	44.8	813.00

Sumber : Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Berdasarkan kajian tahunan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan dan rekod dari Pendaftar Syarikat didapati hakmilik dan penguasaan sektor syarikat pada tahun 1970 adalah seperti yang dipaparkan oleh Jadual 2;

**Jadual 2** Jumlah Nilai dan Peratusan Pemilikan Saham Syarikat-Syarikat Berhad oleh Bumiputera dan Etnik Lain pada Tahun 1970

Pemilikan	Jumlah Pemilikan (RM juta)	%
Bumiputera perseorangan dan agensi amanah:	279.6	4.3
a) Bumiputera perseorangan	168.7	2.6
b) Agensi amanah	110.9	1.7
Bukan Bumiputera	2,233.2	34.0
Warganegara Asing	4,051.3	61.7
Jumlah	6,564.1	100

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Sekiranya keamanan yang berterusan dalam kalangan penduduk Malaysia hendak dikekalkan, taraf hidup orang Melayu mestilah ditingkatkan kepada suatu peringkat supaya mereka tidak lagi merasakan mereka berada pada kedudukan yang lebih rendah daripada orang Cina dan India sama ada dari aspek sosial atau dari segi ekonomi. Keadaan ini menurut Tun Abdul Razak hanya akan dapat dicapai dengan memastikan bahawa mereka menjadi rakan yang sepenuhnya dalam setiap aspek ekonomi negara kita dan bukannya semata-mata sebagai petani dan bercucuk tanam sahaja.

## Guna Tenaga

Ramai daripada orang Melayu terlibat dalam sektor pertanian yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah, manakala kaum Cina pula terlibat di sektor galian, pembuatan dan perdagangan yang mempunyai daya pengeluaran yang lebih daripada dua atau tiga kali ganda daripada sektor pertanian. Jika dilihat dari sudut pembahagian pekerjaan pada tahun 1970 pecahan mengikut kaum adalah seperti jadual berikut;

**Jadual 3** Data Guna Tenaga Mengikut Etnik Tahun 1970

Sektor	Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	Lain-lain (%)
Pertanian	67.6	19.9	11.5	1.0
Perlombongan	32.1	58.7	8.5	0.7
Perniagaan/Perdagangan, Pentadbiran Awam, Pelajaran, Pertahanan dan Kemudahan Awam	42.6	45.5	10.7	1.2

*Sumber :* Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Walaupun ekonomi negara mengalami sedikit pengembangan, ia tidak dapat meninggikan taraf ekonomi orang Melayu dengan pesatnya oleh kerana mereka tidak banyak terdapat dalam sektor ekonomi moden. Tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengubah rangka guna tenaga mengikut kaum yang ada jelas merupakan faktor terpenting bagi menentukan kejayaan DEB. Untuk mencapai perimbangan kaum dalam guna tenaga, adalah perlu bagi pemindahan buruh di antara sektor dilakukan selain daripada penyertaan buruh dalam kegiatan yang dapat menghasilkan daya pengeluaran yang lebih tinggi. Dengan ini adalah perlu bagi kerajaan menambahkan lagi peluang bagi orang Melayu menyertai kegiatan di sektor moden dengan lebih ramai.

Keadaan ini secara tidak langsung akan dapat menghasilkan keadaan guna tenaga di sektor utama yang akan mencerminkan penyertaan tenaga buruh yang seimbang antara kaum. Di samping itu juga ianya dapat menentukan bahawa semua kaum dapat menikmati guna tenaga penuh dan mengurangkan perbezaan pendapatan per kapita di antara kaum. Sekiranya struktur guna tenaga tidak mengalami sebarang perubahan, berkemungkinan guna tenaga kaum Cina akan bertambah lebih daripada paras guna tenaga penuh kerana mereka pada masa ini terlibat dalam sektor yang maju. Kaum India pula akan mengalami sedikit pengangguran sementara kadar pengangguran dalam kalangan orang Melayu akan menjadi lebih tinggi disebabkan oleh perkembangan guna tenaga yang paling rendah bagi sektor pertanian yang mempunyai ramai penglibatan daripada orang Melayu.

Matlamat ini juga seharusnya melibatkan pemindahan antara sektor yang akan mengakibatkan tambahan penyertaan orang Melayu di dalam sektor moden selaras dengan bilangan mereka dalam jumlah tenaga buruh negara. Aspek Rancangan Jangka Panjang ini menegaskan perlunya guna tenaga dikembangkan dengan lebih pesat terutamanya di sektor moden sebagaimana terkandung dalam DEB. Strategi ini terdiri daripada dasar untuk meningkatkan peruntukan pekerjaan kepada orang Melayu dalam sektor ekonomi moden dan langkah untuk meningkatkan penyertaan orang Melayu

dalam pemilikan syarikat-syarikat (Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-90, 1990:90).

Tugas penyusunan semula corak guna tenaga antara kaum seperti yang dirancangkan dalam Rancangan Jangka Panjang ini adalah besar. Pencapaianannya memerlukan pemindahan tenaga buruh yang pesat antara sektor dan kawasan serta menyediakan kemahiran tertentu bagi seluruh rakyat. Dasar dan rancangan pasaran buruh, pelajaran dan latihan yang wajar akan memainkan peranan terpenting dalam tugas ini. Penyusunan tersebut bukan sahaja akan membawa kepada perimbangan terhadap guna tenaga tetapi juga akan membasmikan perbezaan pendapatan antara kaum akibat daripada perbezaan keluaran seseorang pekerja di sesuatu sektor.

Penumpuan guna tenaga orang Melayu di sektor yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah sahaja menyebabkan wujudnya perbezaan pendapatan purata antara pekerja Melayu dan bukan Melayu. Walau bagaimanapun, penyusunan semula ini tidak semestinya mengurangkan perbezaan besar yang sememangnya terdapat dalam peringkat pekerjaan atasannya terutamanya dalam sektor moden. Justeru untuk mengurangkan punca perbezaan ini, usaha yang lebih berkesan perlu diambil untuk menambahkan lagi kemahiran ikhtisas, pengurusan dan teknik orang Melayu supaya kedudukan mereka dalam struktur pekerjaan dalam setiap sektor dapat diperbaiki.

### **Pencapaian Selepas Perlaksanaan DEB**

Program yang dilaksanakan bagi mempercepatkan proses pembasmian kemiskinan dalam tempoh tahun 1971 – 1980 meliputi usaha menyediakan input dan kemudahan yang lebih baik di kawasan pertanian yang sedia ada. Selain itu, menempatkan isi rumah miskin ke sektor pertanian moden dan sektor yang lain menerusi pewujudan peluang pekerjaan yang pesat dan produktif serta penyediaan perkhidmatan sosial dan kemudahan seperti pelajaran, kesihatan, perumahan, bekalan air dan elektrik. Dengan pelaksanaan program tersebut golongan miskin khususnya dapat menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan mereka melalui penggunaan sepenuhnya harta yang produktif dan kemahiran mereka di samping menikmati mutu kehidupan yang lebih baik.

### **Pembasmian Kemiskinan**

Kadar kemiskinan dilihat mengalami pengurangan daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada 29.2% dalam tahun 1980. Anggaran jumlah isi rumah miskin juga mengalami penurunan daripada kira-kira 791,800 orang dalam tahun 1970 kepada 666,100 orang dalam tahun 1980 (Ringkasan Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, 12). Dalam sektor pertanian, kadar kemiskinan dianggarkan mengalami pengurangan daripada 68.3% dalam tahun 1970 kepada 46.1% dalam tahun 1980. Kadar pengurangan ini adalah lebih cepat dalam sektor bukan pertanian iaitu daripada 27.8% dalam tahun 1970 kepada 16.8% dalam tahun 1980.

Kemajuan yang dicapai dalam usaha membasmikan kemiskinan di Semenanjung Malaysia adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 4** Kadar Kemiskinan Mengikut Sektor Tahun 1970, 1975 dan 1980

Sektor	1970		1975		1980	
	Jumlah Isirumah Miskin (000)	Kadar Kemiskinan (%)	Jumlah Isirumah Miskin (000)	Kadar Kemiskinan (%)	Jumlah Isirumah Miskin (000)	Kadar Kemiskinan (%)
<b>Sektor Pertanian:</b>						
Pekebun Kecil Getah	226.4	64.7	233.8	59.0	175.9	41.3
Pekebun Kecil Kelapa Sawit	2.0	30.3	0.9	9.1	1.9	7.8
Pekebun Kecil Kelapa	16.9	52.8	17.5	50.9	13.3	39.0
Penanam Padi	123.4	88.1	114.3	77.0	83.2	55.1
Petani-Petani Lain	126.2	91.8	124.1	78.8	110.5	64.1
Nelayan	28.1	73.2	26.2	63.0	19.4	45.3
Pekerja Ladang	59.4	40.0	59.7	47.0	39.5	35.1
Jumlah Kecil	582.4	68.3	576.5	63.0	443.7	46.1
<b>Sektor Bukan Pertanian:</b>						
Perlombongan	11.1	34.3	10.1	31.8	11.1	34.0
Pembuatan	48.5	32.3	59.6	28.8	55.4	18.4
Pembinaan	12.8	36.6	13.4	30.5	12.0	21.3
Pengangkutan dan Kemudahan Awam	27.1	36.6	29.0	26.8	31.5	23.0
Perdagangan dan Perkhidmatan	109.9	23.8	146.5	24.6	112.4	14.2
Jumlah Kecil	209.4	27.8	258.6	26.2	222.4	16.8
Jumlah	791.8	49.3	835.1	43.9	666.1	29.2

*Sumber :* Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelidikan Sosioekonomi, Kementerian Pertanian dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengurangan kadar kemiskinan di luar bandar dapat dicapai melalui pembangunan di kawasan yang sedia ada seperti program penanaman semula dan pemulihran tanaman, tanaman selingan dan kemudahan parit dan tali air. Purata hasil kebun kecil getah adalah sebanyak 1,100 kilo sehektar dalam tahun 1980 berbanding dengan 730 kilo sehektar pada awal tahun 70-an. Bagi penanam padi pula, hasil purata bertambah daripada 1,055 gantang sehektar dalam tahun 1970 kepada 1,260 gantang sehektar dalam tahun 1980, manakala 1,350 hasil padi luar musim pula bertambah daripada 1,249 gantang sehektar kepada 1,350 gantang sehektar. Hasil pekebun kecil kelapa bagi kebun yang dipulihkan bertambah sebanyak 25%, manakala hasil kebun yang ditanam semula meningkat sebanyak 200 peratus (Rancangan Malaysia Keempat 1981 – 1985, 1981:37).

Pelaksanaan program menanam tanaman selingan dan mempelbagaikan tanaman meliputi kawasan seluas 25,600 hektar membantu meningkatkan pendapatan dan penggunaan tenaga buruh. Selain daripada mempelbagaikan pendapatan pekebun, bantuan juga diberikan bagi mengatasi sebahagian daripada masalah saiz kebun yang kecil. Penanam padi di kawasan penanaman sekali setahun juga memperolehi pendapatan yang lebih berbanding dengan penanam tembakau di luar musim. Pekebun kecil kelapa juga dapat menambahkan pendapatan mereka melalui penanaman tanaman selingan koko, kopi atau pokok buah-buahan. Usaha ini berjaya mengurangkan kadar pengangguran di kawasan luar bandar daripada 6.9% dalam tahun 1974 kepada 6.1% dalam tahun 1978.

## Pertambahan Pendapatan

Tingkat pendapatan penduduk dalam kumpulan 40% terendah dalam agihan saiz pendapatan di Semenanjung Malaysia yang merupakan sebahagian besar daripada penduduk miskin bertambah baik. Jadual 5 menunjukkan purata pendapatan bulanan isi rumah dalam kumpulan ini bertambah daripada RM75.90 dalam tahun 1970 kepada RM142.19 dalam tahun 1976. Menjelang tahun 1979, pendapatan ini meningkat kepada RM186.19, kira-kira 145% lebih tinggi daripada tahun 1970. Pertambahan ini menunjukkan kedudukan pendapatan yang lebih baik bagi kumpulan miskin yang ditentukan.

**Jadual 5** Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah Kumpulan Empat Puluh Peratus Terendah di Semenanjung Malaysia Tahun 1970, 1976 dan 1979

Kaum/Tahun	1970 (RM)	1976 (RM)	1979 (RM)
Melayu	56.76	101.95	140.35
China	135.93	247.27	280.11
India	112.48	197.21	263.43
Kaum Lain	44.72	107.08	154.37
Jumlah Purata	75.90	142.19	186.19

Sumber : Penyiasatan Selcas Banci Penduduk dan Perumahan 1970, Banci Pertanian 1977 dan Penyiasatan Tenaga Buruh 1980.

## Penyusunan Semula Masyarakat

Program dan langkah dasar usaha sama sektor awam dan sektor swasta termasuk usaha Bumiputera perseorangan menghasilkan pencapaian yang besar semenjak tahun 1971 dari segi matlamat penyusunan semula masyarakat di bawah DEB. Matlamat ini adalah untuk mengurangkan keadaan tidak seimbang pendapatan, guna tenaga dan hak milik harta serta membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian dalam kalangan Bumiputera. Sesungguhnya DEB merupakan satu printis dan contoh memberi makna baru kepada perkataan pembangunan dan juga pengagihan semula pendapatan, kekayaan dan kuasa (Snodgrass, Donald R., 1980: 286).

## Pendapatan

Dari segi agihan pendapatan dalam kalangan kaum, bahagian pendapatan purata kaum Melayu daripada pendapatan purata negara meningkat daripada 65.2% dalam tahun 1970 kepada 67.3% dalam tahun 1979. Pendapatan purata kaum Cina masih melebihi pendapatan purata negara, tetapi sebagai peratusan daripada pendapatan purata negara, pendapatan purata kaum Cina hakikatnya berkurangan daripada 149% dalam tahun 1970 kepada 144% dalam tahun 1979. Bahagian Pendapatan purata kaum India daripada pendapatan purata negara berkurangan daripada 115% dalam tahun 1970 kepada 102% dalam tahun 1979. Perbezaan pendapatan antara luar bandar dan bandar didapati berkurangan dalam tempoh yang sama.

## Guna Tenaga

Jadual 6 menunjukkan kemajuan yang pesat dicapai dalam agihan guna tenaga selaras dengan matlamat penyusunan semula supaya guna tenaga dalam semua sektor dan peringkat menggambarkan susunan kaum dalam negara. Dalam sektor kedua dimana penyertaan Bumiputera adalah rendah, bahagian guna tenaga mereka bertambah daripada 32.1% dalam tahun 1970 kepada 39.8% dalam tahun 1980. Begitu juga dalam sektor ketiga, bahagian guna tenaga Bumiputera bertambah daripada 42.6% kepada 47% (Ringkasan Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985:15).

**Jadual 6** Pekerjaan Mengikut Sektor dan Kaum bagi Semenanjung Malaysia Tahun 1970 dan 1980

Sektor	1970				1980					
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah	Melayu	Cina	India		
Pertama*	902.3 (%)	265.4 (19.9)	154.0 (11.5)	12.9 (1.0)	1,334.6 (100)	1,020.2 (66.3)	306.1 (19.9)	199.4 (13.0)	13.4 (0.9)	1,539.1 (100)
Kedua*	215.6 (%)	394.3 (58.7)	57.1 (8.5)	4.7 (0.7)	671.7 (100)	495.4 (39.8)	636.0 (51.1)	105.8 (8.5)	7.5 (0.6)	1,244.7 (100)
Ketiga*	359.7 (%)	383.9 (45.5)	90.3 (10.7)	10.1 (1.2)	844.0 (100)	695.9 (47.0)	615.9 (41.6)	155.5 (10.5)	13.3 (0.9)	1,480.6 (100)
Jumlah	1,477.6	1,043.6	301.4	27.7	2,850.3	2,211.5	1,558	460.7	34.2	4,264.4
Gunatenaga (%)	(51.8)	(36.6)	(10.6)	(1.0)	(100)	(51.9)	(36.5)	(10.8)	(0.8)	(100)

Sumber : Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985,. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1981

### Catatan:

Pertama\* - Pertanian.

Kedua\* - Perlombongan, pembuatan, pembinaan dan pengangkutan.

Ketiga\* - Perniagaan borong dan runcit, bank, pentadbiran awam, pelajaran, kesihatan, pertahanan dan kemudahan awam.

Dari segi jenis pekerjaan, kemajuan dicapai dalam tempoh tahun 1971 hingga 1980. Jadual 7 menunjukkan bahagian guna tenaga Bumiputera dalam kumpulan pekerjaan ikhtisas dan teknikal bertambah daripada 47% dalam tahun 1970 kepada 50% dalam tahun 1980. Dalam kumpulan pentadbiran dan pengurusan, bahagian guna tenaga Bumiputera bertambah daripada 24.1% kepada 31.6%. Bahagian rakyat Malaysia yang lain dalam kumpulan pekerjaan pertanian menunjukkan peningkatan daripada 27.7% dalam tahun 1970 kepada 34.2% dalam tahun 1980.

**Jadual 7** Guna Tenaga Mengikut Pekerjaan dan Kaum bagi Semenanjung Malaysia Tahun 1970 dan 1980

Sektor	1970				1980					
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah	Melayu	Cina	India		
Ikhtisas dan Teknikal* (%)	64.2 (47.0)	54.0 (39.5)	14.8 (10.8)	3.7 (2.7)	136.7 (100)	118.2 (50)	87.1 (36.9)	26.9 (11.4)	4.0 (1.7)	236.2 (100)

(samb.)

Pentadbiran dan Pengurusan (%)	7.4 (24.1)	19.3 (62.9)	2.4 (7.8)	1.6 (5.2)	30.7 (100)	16.2 (31.6)	29.2 (57)	3.1 (6.1)	2.7 (5.3)	51.2 (100)
Perkeranian (%)	50.4 (35.4)	65.4 (45.9)	24.5 (17.2)	2.2 (1.5)	142.5 (100)	169.4 (55.3)	110.8 (36.2)	21 (6.9)	5.3 (1.7)	306.5 (100)
Penjualan (%)	69.1 (26.7)	159.6 (61.7)	28.7 (11.1)	1.1 (0.4)	258.5 (100)	99.8 (23.1)	299 (69.2)	32.7 (7.6)	0.8 (0.2)	432.3 (100)
Perkhidmatan (%)	100 (44.3)	89.5 (39.6)	32.9 (14.6)	3.4 (1.5)	225.8 (100)	168.4 (47.9)	140.1 (39.9)	40.7 (11.6)	2.1 (0.6)	351.3 (100)
Pertanian (%)	920.5 (72.0)	221.3 (17.3)	123.7 (9.7)	13.2 (1.0)	1,278.8 (100)	998.9 (67.7)	289.9 (19.7)	175.4 (11.9)	10.6 (0.7)	1,474.8 (100)
Pengeluaran, Pengangkutan dan lain-lain(%)	266 (34.2)	434.5 (55.9)	74.4 (9.6)	2.5 (0.3)	777.4 (100)	640.6 (45.4)	601.9 (42.6)	160.9 (11.4)	8.7 (0.6)	1,412.1 (100)
Jumlah (%)	1,477.6 (51.8)	1,043.6 (36.6)	301.4 (10.6)	27.7 (1.0)	2,850.3 (100)	2,211.5 (51.9)	1,558 (36.5)	460.7 (10.8)	34.2 (0.8)	4,264.4 (100)

Sumber : Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1981

Catatan:

\* Meliputi peguam, jurutera, jururawat, guru di sektor awam dan swasta.

Jadual 8 menunjukkan bahawa walaupun kemajuan keseluruhan dicapai, golongan Bumiputera masih merupakan golongan terkecil dalam kalangan pekerja ikhtisas yang berpendapatan tinggi. Dalam tahun 1979, hanya 11% daripada jurubina, 7.6% daripada akauntan, 11.6% daripada jurutera dan 8.6% daripada doktor dalam kedua-dua sektor awam dan swasta adalah Bumiputera. Walau bagaimanapun, peratusan ini adalah lebih tinggi daripada peratusan tahun 1970.

**Jadual 8** Keahlian Kumpulan Ikhtisas bagi Semenanjung Malaysia Tahun 1970 dan 1979

Sektor	1970					1979				
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Jurubina (%)	12 (4.3)	224 (80.9)	4 (1.4)	37 (13.4)	277 (100)	56 (11.0)	432 (85.2)	6 (1.2)	13 (2.6)	507 (100)
Akauntan (%)	40 (6.8)	387 (65.4)	47 (7.9)	118 (19.9)	592 (100)	110 (7.6)	1,115 (77.3)	105 (7.3)	112 (7.8)	1,442 (100)
Jurutera (%)	66 (7.3)	643 (71)	122 (13.5)	75 (8.3)	906 (100)	398 (11.6)	2,654 (77.4)	254 (7.4)	124 (3.6)	3,430 (100)
Doktor Gigi (%)	20 (3.1)	579 (89.1)	33 (5.1)	18 (2.8)	650 (100)	103 (9.2)	734 (65.9)	220 (19.7)	57 (5.1)	1,114 (100)
Doktor (%)	79 (3.7)	954 (44.8)	857 (40.2)	241 (11.3)	2,131 (100)	272 (8.6)	1,399 (44.2)	1,338 (42.2)	159 (5.0)	3,168 (100)
Doktor Haiwan (%)	8 (40)	6 (30)	3 (15)	3 (15)	20 (100)	39 (52)	23 (30.7)	8 (10.7)	5 (6.7)	75 (100)
Juru Ukar (%)	t.a. -	t.a. -	t.a. -	t.a. -	t.a. -	108 (29.9)	215 (59.6)	27 (7.5)	11 (3.0)	361 (100)
Peguam (%)	t.a. -	t.a. -	t.a. -	t.a. -	t.a. -	151 (13.0)	582 (50.0)	417 (35.8)	15 (1.3)	1,165 (100)

Sumber : Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1981.

*Catatan:*

\* Maklumat yang diberikan meliputi sektor awam dan swasta.

\* t.a. menunjukkan tiada.

### Hakmilik Harta

Jumlah modal saham syarikat Malaysia dan cawangan syarikat asing berkembang pada kadar 16.7% setahun daripada RM6.6 ribu juta dalam tahun 1971 kepada RM26.3 ribu juta dalam tahun 1980. Dalam tempoh ini, modal saham yang dimiliki oleh mereka yang bermastautin di Malaysia bertambah daripada 38.3% kepada 52.5%. Di samping itu, pemilikan saham oleh orang asing berkurangan daripada 61.7% kepada 47.5%. Dalam kalangan mereka yang bermastautin di Malaysia, agensi amanah Bumiputera dan Bumiputera perseorangan menunjukkan kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 31.4% setahun. Bahagian Bumiputera daripada jumlah modal saham bertambah daripada 4.3% dalam tahun 1971 kepada 12.4% dalam tahun 1980.

Daripada jumlah RM19.8 ribu juta modal saham baru yang dikeluarkan antara tahun 1971 dan 1980, hanya RM3 ribu juta atau 15.2% sahaja diperolehi oleh Bumiputera perseorangan dan agensi amanah Bumiputera. Ini bermakna bahawa jumlah modal saham yang perlu diperolehi untuk mencapai matlamat adalah bertambah besar. Bahagian Bumiputera perseorangan mengalami sedikit peningkatan daripada 2.6% dalam tahun 1971 kepada 4.3% dalam tahun 1980. Walaupun modal saham sektor syarikat yang dimiliki mereka bertambah lebih daripada enam kali ganda. Kemajuan yang kurang pesat dalam kalangan Bumiputera perseorangan ini adalah disebabkan terutamanya oleh pendapatan mereka yang rendah dan tabungan yang kecil.

**Jadual 9** Hakmilik dan Penyertaan dalam Sektor Perusahaan dan Perdagangan bagi Semenanjung Malaysia Tahun 1970 dan 1975 (%)

Kegiatan	1970			1975		
	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
Perusahaan (Harta Tetap)	1.0	33.3	0.4	3.5	23.6	0.3
Perlombongan	0.8	24.9	*	2.1	32.3	0.2
Pembuatan	0.9	32.5	0.4	3.6	19.7	0.3
Pembinaan	3.8	88.5	1.0	4.5	59.2	0.7
Perdagangan (Perolchan)	1.2	69.5	3.5	2.2	58.4	5.7
Jualan Borong	0.7	66.2	2.5	1.7	53.3	5.8
Jualan Runcit	3.0	81.2	7.3	4.2	77.3	5.5
Pengangkutan (Harta Tetap)	18.0	56.5	3.2	31.2	37.0	2.6
Teksi	47.7	37.5	12.5	65.5	21.8	4.6
Bas	18.0	52.8	1.7	18.6	34.2	0.6
Muatan	14.5	69.4	6.0	39.9	41.3	4.4

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri

Dalam sektor perindustrian, jumlah harta tetap bertambah daripada RM1,503.5 juta dalam tahun 1970 kepada RM4,317.5 juta dalam tahun 1975. Nilai harta tetap bagi sektor perindustrian yang dimiliki oleh Bumiputera bertambah daripada RM15 juta atau 1% kepada RM150.3 juta atau 3.5%. Dalam sektor pengangkutan, nilai harta tetap yang dimiliki oleh Bumiputera bertambah daripada RM12.4 juta atau 18% dalam tahun 1971 kepada RM54.9 juta atau 31.2% dalam tahun 1975. Pelaksanaan dasar perlesenan yang berkesan dalam sektor pengangkutan dapat membantu penyertaan Bumiputera dalam sektor ini yang terdapat banyak persaingan.

### **Pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian dalam Kalangan Bumiputera**

Tun Abdul Razak menggalakkan lebih ramai golongan Bumiputera untuk menceburkan diri dalam lapangan perdagangan dan perindustrian sama ada bersendirian ataupun secara *joint-venture* adalah untuk mempercepatkan tercapainya matlamat memiliki dan menguruskan sekurang-kurangnya 30% daripada kegiatan perdagangan dan perindustrian daripada kalangan golongan Bumiputera akan menjadi nyata (Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, 1974:245). Program ini meliputi latihan, bantuan kredit, khidmat nasihat dan perkembangan, bantuan teknik, sokongan pentadbiran dan penyertaan kerajaan secara langsung dalam sektor swasta.

Terdapat dua program latihan yang dijalankan iaitu latihan yang bertujuan untuk menambahkan bilangan tenaga mahir dan tenaga ikhtisas bagi mempercepatkan penyusunan semula guna tenaga dan latihan yang bertujuan untuk mewujudkan dan memajukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. Di bawah program yang pertama, latihan disediakan oleh universiti dan ITM bagi memajukan kaum Bumiputera di peringkat ikhtisas termasuk pengurus perniagaan. Bilangan penuntut di semua universiti dan ITM meningkat daripada 7,392 orang dalam tahun 1971 kepada 25,444 orang dalam tahun 1980. Bilangan lepasan institusi ini dalam tempoh tersebut ialah seramai 34,727 orang.

Bagi program kedua, ianya dilaksanakan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Bahagian Khidmat Nasihat PERNAS Edar adalah bertujuan untuk memajukan bakal usahawan dalam kalangan Bumiputera. Kursus yang ditawarkan dalam program ini termasuklah kursus permulaan simpanan kira-kira, pengurusan simpanan barang, kawalan kos, pengurusan dan pemasaran asas. Institusi ini berjaya melatih seramai 22,173 orang Bumiputera dalam tahun 1980 berbanding dengan 2,239 orang dalam tahun 1973.

Bantuan kredit juga diberikan menerusi institusi seperti MARA, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Sdn. Berhad (MIDF), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan bank perdagangan yang diuruskan mengikut garis panduan Syarikat Jaminan Kredit (CGC). Di samping itu, bantuan kewangan juga diberikan bagi membiayai pembelian harta tetap dan alat kelengkapan, memperbaiki ruang perniagaan serta modal pusingan.

**Jadual 10** Bantuan Kredit bagi Semenanjung Malaysia Tahun 1971 dan 1980 (RM juta)

<b>Institusi</b>	<b>1971</b>		<b>1980</b>	
	<b>Melayu</b>	<b>Lain-lain (Rakyat Malaysia)</b>	<b>Melayu</b>	<b>Lain-lain (Rakyat Malaysia)</b>
Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan (Syarikat Jaminan Kredit)	149.3	2,851.4	4,780.0	18,440.0
MARA	15.0	-	50.3	-
UDA	0.4	-	7.4	-
MIDF	13.1	56.9	39.7	100.0
BPMB	2.3	-	129.3	-
Program Peniaga Kecil	0.7	-	17.3	-

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri

Jadual 10 menunjukkan dalam tempoh 10 tahun pertama DEB, pinjaman dan pendahuluan bagi Bumiputera daripada bank dan syarikat kewangan mengalami penambahan dengan pesatnya daripada RM149.3 juta atau 5% dalam tahun 1971 kepada RM4,780 juta atau 20.6% dalam tahun 1980. Pinjaman dan pendahuluan bagi rakyat Malaysia yang lain bertambah daripada RM2,851.4 juta kepada RM18,440 juta tetapi bahagian mereka daripada jumlah kesemuanya berkurangan daripada 95% kepada 79.4% dalam tempoh yang sama.

Khidmat nasihat dan teknik juga diberikan oleh MARA menerusi program pembangunan usahawan, Syarikat Perunding Perusahaan MIDF Berhad (MIDFIC) dan BPMB. Dalam tempoh yang dikaji, MARA memberi khidmat kepada kira-kira 7,500 orang di bawah program ini sementara MIDFIC pula memberi khidmat perunding kepada 54 buah Syarikat Perniagaan Bumiputera daripada sejumlah 81 kerja perundingan yang dijalankannya. BPMB mula memberi khidmat nasihat dan perundingan kepada usahawan dalam tahun 1974 dan hingga akhir tahun 1980 berjaya memberi perkhidmatan tersebut kepada 4,075 pelanggan.

Bagi syarikat yang menikmati galakan fiskal di bawah pembangunan industri adalah dikehendaki memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada modal saham mereka kepada Bumiputera. Di bawah skim ini, sejumlah RM868.3 juta daripada jumlah saham atau 22.8% dikhaskan kepada Bumiputera dalam tempoh tahun 1968 hingga 1978 dan daripada ini sebanyak RM649.3 juta atau 74.8% diperolehi oleh Bumiputera.

Di antara tahun 1971 hingga 1980, PERNAS mewujudkan serta memperolehi modal ekuiti lebih daripada RM500 juta menerusi anak syarikatnya dan kepentingan lain dalam industri perlombongan, pembinaan, perdagangan dan perladangan. Sehingga akhir tahun 1980, PERNAS mewujudkan sebanyak 8,741 pekerjaan secara langsung di semua peringkat bagi Bumiputera daripada sejumlah 16,593 pekerjaan menerusi anak syarikatnya iaitu PERNAS Edar. PERNAS juga menyediakan punca bekalan barang yang tetap kepada peniaga runcit Bumiputera.

Selain daripada memberi kredit, latihan dan khidmat perunding, MARA menerusi syarikatnya termasuk Kompleks Kewangan Malaysia Berhad menyediakan pekerjaan kepada 9,421 Bumiputera serta memegang secara amanah saham ekuiti berjumlah kira-kira RM182.9 juta sehingga akhir tahun 1980. MARA juga menyediakan ruang perniagaan di kawasan bandar untuk peniaga kecil Bumiputera. Selain daripada MARA, PKEN-PKEN juga menyertai bidang perdagangan dan perindustrian secara persendirian atau secara usahasama dengan sektor swasta (Rancangan Malaysia Keempat 1981–1985, 1981:75).

Menerusi usaha ini PKEN-PKEN memegang sejumlah RM438 juta modal saham pada akhir tahun 1980. Di samping itu, kegiatan PKEN-PKEN ini mewujudkan pekerjaan secara langsung kepada 43,456 orang dan daripada jumlah ini seramai 30,094 orang adalah Bumiputera. Di peringkat pengurusan dan ikhtisas, agensi ini memberikan pekerjaan kepada 1,196 Bumiputera daripada jumlah seramai 2,375 pekerja.

UDA secara persendirian atau usahasama berperanan membina ruang perniagaan dan kompleks perniagaan di kawasan bandar besar di Semenanjung Malaysia, memajukan kawasan perumahan dan memberi pinjaman kewangan untuk kelengkapan dan pembaharuan ruang perniagaan. *Urban Development Authority* (UDA) juga membiayai perniagaan Bumiputera menerusi usahasama khas yang membolehkan usahawan Bumiputera yang berkenaan membeli balik saham yang dimiliki oleh UDA sebaik sahaja keuntungan syarikat tersebut terjamin (Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971–1975, 1973:18).

Melalui kegiatan ini, UDA menyediakan sebanyak 1,329 ruang perniagaan dan 2,110 buah rumah kepada Bumiputera, membantu 381 peniaga Bumiputera dan memperuntukkan 1,998 buah rumah kepada rakyat Malaysia yang lain. Menerusi usahasama dengan PKEN-PKEN, UDA menubuhkan PERUDA di beberapa buah negeri untuk memajukan ruang perniagaan kawasan bandar di luar Wilayah Persekutuan.

FIMA yang ditubuhkan pada tahun 1972 pula berperanan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang industri memproses makanan. Hingga akhir tahun 1980, ekuiti FIMA termasuk pegangan dalam 15 anak syarikat dan sembilan buah syarikat bersekutu berjumlah RM63.1 juta. Kumpulan FIMA memberi pekerjaan kepada 2,092 orang dalam tahun 1980 dan daripada jumlah ini sebanyak 86.2% adalah terdiri daripada golongan Bumiputera sementara 13.8% adalah rakyat Malaysia yang lain.

Bank Bumiputera dan BPMB juga memegang secara amanah pelaburan ekuiti untuk Bumiputera. Pegangan ekuiti Kumpulan Bank Bumiputera bertambah daripada RM10 juta dalam tahun 1970 kepada RM114.7 juta dalam tahun 1980. Pegangan ekuiti BPMB pula bertambah daripada RM50,000 dalam tahun 1974 kepada RM19.4 juta dalam tahun 1980. Dari segi guna tenaga, kedua-dua institusi ini menyediakan 3,373 pekerjaan menjelang tahun 1980 dan daripada jumlah ini 87.2% adalah untuk golongan Bumiputera manakala 12.8% untuk rakyat Malaysia yang lain. Dengan ini, bahagian guna tenaga Bumiputera dalam sektor perbankan menunjukkan penambahan daripada 21.9% dalam tahun 1971 kepada 40.9% dalam tahun 1980.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) berbeza daripada dasar yang terdahulu kerana ianya lebih menyeluruh dan dikaji secara terperinci. Secara umumnya, peranan agensi kerajaan atau separuh kerajaan banyak membantu merealisasikan cita-cita Tun Abdul Razak khususnya melalui DEB. Menurut R.S. Milne dan Diane K. Mauzy (1980), peranan agensi tersebut dalam DEB dapat dianggap sebagai “institusi nasionalisme ekonomi bumiputera yang berkesan dan simbolik”. Peruntukan kewangan dan sumber lain dalam melaksanakan DEB oleh institusi dan agensi sektor awam memberi sumbangan terhadap mengembangkan berbagai kemudahan dan perkhidmatan bagi mencapai pembangunan ekonomi negara dengan pesat. Perkembangan ekonomi ini memberi faedah kepada Bumiputera dan juga rakyat Malaysia yang lain menerusi penyertaan mereka yang lebih giat dalam berbagai kegiatan ekonomi yang disediakan.

Hakikatnya, program pembasmian kemiskinan menguntungkan kesemua golongan miskin sama ada di bandar atau luar bandar. Program penyusunan semula juga memberi faedah secara langsung dan membuka peluang perniagaan kepada golongan Bumiputera khususnya. Usahawan di bandar seperti kontraktor, pembekal barang dan perkhidmatan serta pekerja binaan menikmati faedah daripada projek kerajaan yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan Bumiputera. Rakyat Malaysia yang lain juga menikmati faedah daripada program yang serupa dalam bentuk pinjaman bank, latihan, pelajaran dan lain-lain projek pembangunan sosio ekonomi.

## Rujukan

- Asrizal Mohamed Radzi. (2013). *Jurnal Biro Tatanegara: sejarah pembentukan negara bangsa dan 1Malaysia*. Bil. 1. Putrajaya: Biro Tatanegara.  
*Balai Muhibbah*. 18 Januari 1971.
- Dapak Mazumdar. (1981). *The urban labour market and income distribution - A Study of Malaysia*. Penerbitan Penyelidikan Bank Dunia: Oxford University Press.
- Highlights Second Malaysia Plan (1971-1975)*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia. 1971.
- Just Faaland, Jack Parkinson & Rais Saniman. (2005). *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara Dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri. 1973.
- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-90*.
- Milne, Robert Stephen & Diane K. Mauzy. (1980). *Politics and Government in Malaysia*. Edisi Semakan. Singapore: Times Books.
- Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara. 1981.
- Ringkasan Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 dan Kemajuan 10 Tahun 1971. 1980. Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Snodgrass, Donald R. (1980). *Inequality and Economic Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.